

ISU

## 76 pusat tahfiz gagal patuhi peraturan keselamatan

[FOTO FATHIL ASRI/BH]



**Soiman menunjukkan cara menggunakan alat pemadam api kepada pelajar dan pengurusan Tahfiz selepas merasmikan Kempen Keselamatan Kebakaran Sekolah Aliran Agama Negeri Kelantan di Dewan Jubli Perak Sultan Ismail Petra di Kota Bharu, semalam.**

**Kota Bharu:** Sebanyak 76 pusat tahfiz dan sekolah pondok di seluruh negara diberikan notis oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kerana gagal mematuhi peraturan keselamatan.

Ia sebahagian daripada 228 pusat tahfiz dan sekolah pondok yang sudah diperiksa oleh Jawatankuasa Khas JBPM. Sebanyak 1,200 pusat tahfiz dan sekolah pondok agama perlu diperiksa oleh jawatankuasa berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Soiman Jahid, berkata antara peraturan yang gagal dipatuhi ialah memasak di ruang penginapan, penyambungan wayar berlebihan dan jumlah pelajar terlalu padat.

Katanya, pemeriksaan dibuat sebulan bermula 24 September lalu sehingga 19 Oktober ini sebelum laporan diserahkan kepada kerajaan untuk dibentangkan ke mesyuarat Kabinet.

“Pada peringkat permulaan, kita mahu mereka mematuhi peraturan asas sebelum ke peringkat seterusnya termasuk menyediakan tangga yang mencukupi.

### **Kenal pasti 1,200 pusat tahfiz**

“Setakat ini, kita mengenal pasti 1,200 pusat tahfiz dan sekolah pondok di seluruh negara sama ada yang berdaftar atau tidak. Tujuan kita adalah memastikan institusi berkenaan mematuhi peraturan keselamatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kempen Keselamatan Kebakaran Sekolah Aliran Agama Negeri Kelantan di Dewan Jubli Perak Sultan Ismail Petra di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah JBPM Kelantan, Nazili Mahmood.

Pada 14 September lalu, seramai 21 pelajar dan dua guru Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Dato Keramat, terkorban dalam kebakaran premis berkenaan.